Apabila **Kecederaan** mengakibatkan mana-mana kehilangan upaya kekal berikut dalam tempoh dua belas (12) bulan Kalendar **Kejadian Kemalangan**, **Kami** akan membayar **Orang Diinsuranskan, Pemandu yang Dibenarkan** dan/atau **Penumpang** yang cedera sehingga had yang dinyatakan dalam Jadual Manfaat untuk kehilangan: -

Jadual Manfaat Hilang Upaya Kekal

Keterangan Hilang Upaya	% Jumlah Prinsipal Diinsuranskan
Hilang atau hilang fungsi kedua-dua tangan atau kedua-dua kaki	100
Hilang penglihatan kedua-dua belah mata	100
Hilang fungsi satu mata dan satu tangan atau kaki	100
Lumpuh sepenuhnya (daripada leher kebawah)	100
Hilang atau hilang fungsi satu tangan atau satu kaki	50
Hilang penglihatan sebelah mata	50
Tidak siuman	50
Hilang empat jari dan ibu jari dari sebelah tangan	50
Hilang pendengaran kedua-dua belah telinga	50
Hilang keupayaan bertutur	50
Hilang semua jari kaki	25

“Hilang” seperti digunakan di atas dengan rujukan kepada tangan atau kaki bermaksud kehilangan penggunaan secara keseluruhan dan kekal atau terputus sepenuhnya melalui atau di atas pergelangan tangan atau sendi buku lali, dan apabila digunakan dengan rujukan kepada mata bermaksud kehilangan penglihatan menyeluruh dan tidak boleh pulih.

Sekiranya **Kecederaan** tidak dinyatakan, **Syarikat** berhak untuk menggunakan peratusan Hilang Upaya Kekal mengikut budi bicara **Syarikat**.

Hilang keupayaan bertutur bermaksud hilang upaya kekal untuk bertutur secara lisan.

Jumlah bayaran yang dibayar berkaitan mana-mana satu **Kemalangan** tidak boleh melebihi seratus peratus (100%) Jumlah Prinsipal Diinsuranskan bagi setiap seorang seperti yang dinyatakan dalam Jadual di bawah Bahagian ini. Sekiranya jumlah seratus peratus (100%) daripada Jumlah Yang Diinsuranskan telah dibayar semasa **Tempoh Insurans**, Polisi ini akan berhenti berkuat kuasa dengan serta merta.

Bagi mengelakkan keraguan, sekiranya jumlah sebenar **Penumpang** melebihi had maksima kapasiti tempat duduk **Kenderaan Dinamakan**, liabiliti **Syarikat** hanya terhad kepada jumlah **Penumpang** yang dinyatakan untuk **Kenderaan Dinamakan** seperti didaftarkan di Jabatan Pengangkutan Jalan.

3. Manfaat Kematian

Apabila kecederaan akibat **Kemalangan** menyebabkan kematian **Orang Diinsuranskan** dan/atau **Pemandu Yang Dibenarkan**, **Kami** akan membayar jumlah wang yang dinyatakan dalam **Jadual Polisi** kepada waris si mati atau wakil peribadi sah berdasarkan maklumat yang memuaskan dan keterangan yang telah diberikan kepada **Kami**.

4. Manfaat Indemniti Berganda

Jumlah Diinsuranskan di bawah polisi ini akan berganda jika **Orang Diinsuranskan** dan/atau **Pemandu Yang Dibenarkan** mengalami kematian atau Hilang Upaya Kekal sepenuhnya akibat **Kemalangan** dan **Kemalangan** tersebut berlaku cuti umum seluruh negara.

Hilang Upaya Kekal sepenuhnya seperti dibawah:-

- Hilang atau hilang fungsi kedua-dua tangan atau kedua-dua kaki
- Hilang penglihatan kedua-dua belah mata
- Hilang fungsi satu mata dan satu tangan atau kaki
- Lumpuh sepenuhnya (daripada leher kebawah)

BAHAGIAN 2 – PERBELANJAAN PERUBATAN

Pada bila-bila masa semasa **Tempoh Insurans**, **Orang Diinsuranskan** dan/atau **Pemandu Yang Dibenarkan**, mengalami **Kecederaan** yang disebabkan oleh kejadian **Kemalangan** semasa berada di dalam **Kenderaan Dinamakan**, **Kami** akan membayar jumlah atau sejumlah wang mengikut manfaat yang dinyatakan di sini.

Bagi mengelakkan keraguan, sekiranya **Orang**

Diinsuranskan dan/atau **Pemandu Yang Dibenarkan** terlibat dalam **Kemalangan** bersama semasa dia dalam **Kenderaan Dinamakan** dalam satu (1) insiden, **Kami** akan membayar pampasan mengikut jumlah agregat dibawah seksyen 2 and jumlah bayaran hendaklah tidak melebihi jumlah yg dinyatakan dalam **Jadual Polisi**.

1. Perbelanjaan Perubatan

Apabila **Kecederaan** mengakibatkan **Orang Diinsuranskan** dan/atau **Pemandu yang Dibenarkan** memerlukan rawatan oleh doktor atau pakar bedah yang berkelayakan, ditahan di hospital atau pengupahan jururawat graduan atau berlesen, **Kami** akan membayar perbelanjaan sebenar yang dikenakan dalam tempoh 12 bulan kalendar dari tarikh **Kemalangan** untuk rawatan tersebut, caj hospital dan yuran jururawat tetapi jumlah agregat yang perlu dibayar akibat daripada mana-mana satu **Kemalangan** tidak boleh melebihi had yang dinyatakan dalam **Jadual Polisi**.

2. Pendapatan Hospital Harian

Apabila **Kecederaan** mengakibatkan **Orang Diinsuranskan** dan/atau **Pemandu yang Dibenarkan** ditahan di hospital untuk rawatan, **Kami** akan membayar manfaat tunai harian seperti dinyatakan dalam **Jadual Manfaat**, sehingga maksimum enam puluh (60) hari. Manfaat ini akan dibayar jika **Orang Diinsuranskan** melengkapkan dua puluh empat (24) jam dimasukkan ke hospital.

3. Pembedahan Pembedahan Gigi dan Pembedahan

Kosmetik

Kami akan membayar ganti rugi kepada **Orang Diinsuranskan** dan/atau **Pemandu yang Dibenarkan** sehingga jumlah yang dinyatakan dalam **Jadual Polisi** atas perbelanjaan yang ditanggung oleh **Orang Diinsuranskan** dan/atau **Pemandu yang Dibenarkan** untuk Pembedahan Pergigian atau Pembedahan Pembedahan Kosmetik yang dilakukan pada leher, kepada atau dada (perut ke atas) **Orang Diinsuranskan** dan/atau **Pemandu yang Dibenarkan** berikutan Kecederaan Badan yang dialami akibat **Kemalangan**, tertakluk bahawa Pembedahan Pergigian dan/atau Pembedahan Pembedahan Kosmetik tersebut disarankan dan dilakukan oleh Pakar Bedah Kosmetik atau Ortodontis berlesen dan pembedahan tersebut dilakukan dalam tempoh enam (6) bulan dari tarikh **Kemalangan**.

4. Bayaran Ambulans

Sekiranya berlaku **kemalangan** semasa Tempoh Insurans yang mengakibatkan **Kecederaan** dan bayaran ambulans dikenakan sebagai pengangkutan untuk membawa **Orang Diinsuranskan** dan/atau **Pemandu yang Dibenarkan** ke dan/atau dari Hospital, **Kami** akan membayar **Anda** sehingga jumlah yang dinyatakan dalam **jadual polisi** berdasarkan syarat-syarat berikut:-

- Orang Diinsuranskan** dan/atau **Pemandu yang Dibenarkan** yang memandu **Kenderaan Dinamakan** semasa berlakunya **Kemalangan**; dan
- Perjalanan ambulans ke dan/atau dari Hospital mestilah di dalam Malaysia sahaja;

Perlindungan ini terhad kepada satu (1) kejadian dalam setiap **Tempoh Insurans** dan pengembalian semula perlindungan ini tidak dibenarkan.

PENGECUALIAN KHAS KEPADA BAHAGIAN 1 DAN 2

Polisi ini tidak menyediakan perlindungan secara langsung atau tidak langsung, disebabkan oleh atau berhubung, sepenuhnya atau sebahagiannya dengan mana-mana dibawah: -

- a) Sebarang bentuk penyakit, jangkitan, jangkitan kuman (kecuali jangkitan pyogenic yang biasanya terjadi melalui luka) parasit dan Sindrom Kurang Daya Tahan Penyakit (AIDS) atau Kompleks Berkaitan dengan AIDS (ARC) atau Virus Kurang Daya Ketahanan Penyakit (HIV).
- b) Sebarang rawatan perubatan atau pembedahan (kecuali yang diperlukan akibat **Kecederaan** yang dilindungi dibawah **Polisi** dan dilakukan dalam tempoh yang dinyatakan di bawah polisi ini)
- c) melahirkan anak, keguguran, kehamilan atau sebarang komplikasi daripadanya.
- d) ksebarang kecederaan yang menyebabkan hernia
- e) bunuh diri atau sebarang cubaan membunuh diri (waras atau tidak waras)
- f) **Orang Diinsuranskan** dan/atau **Pemandu yang Dibenarkan** yang terlibat dalam atau mengambil bahagian di dalam Polis atau Angkatan Tentera mana-mana negara atau operasi antarabangsa, sama ada ketika aman atau sedang berperang
- g) Sekiranya **Orang Diinsuranskan** dan/atau **Pemandu Yang Dibenarkan** di bawah pengaruh minuman keras atau arak yang memabukkan, narkotik, dadah berbahaya atau dadah-dadah lain yang memudaratkan atau bahan yang memabukkan sehingga **Orang Diinsuranskan** dan/atau **Pemandu Dibenarkan** tidak dapat mengawal **Kereta Dinamakan** dengan baik;
- h) **Orang Diinsuranskan** dan/atau **Pemandu yang Dibenarkan** yang di bawah umur tujuh belas (17) tahun dan melebihi lapan puluh (80) tahun.

SYARAT KHAS KEPADA BAHAGIAN 1 DAN 2

Manfaat kematian akan dibayar kepada wakil sah **Orang Diinsuranskan**. Semua manfaat lain di bawah Bahagian 1 dan 2 yang dibayar kepada pihak lain selain **Orang Diinsuranskan** dan/atau **Pemandu yang Dibenarkan** akan dibayar hanya dengan kebenaran **Orang Diinsuranskan** dan/atau **Pemandu yang Dibenarkan** atau wakil peribadi sah **Orang Diinsuranskan** dan/atau **Pemandu yang Dibenarkan** yang mana penerimaan bayaran akan menjadikan tuntutan lengkap dan selesai.

BAHAGIAN 3 – MANFAAT BANTUAN KERETA

Kami telah melantik Penyedia Bantuan untuk menyediakan Manfaat Bantuan Kereta yang dinyatakan seperti berikut atas dasar rujukan atau pengaturan kecuali dinyatakan sebaliknya. Kedua-dua RHB Insurance dan penyedia Bantuan tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kerugian sampingan atau tidak langsung yang dialami oleh **Orang Diinsuranskan** dan/atau **Pemandu yang Dibenarkan** yang timbul daripada perkhidmatan Penyedia Bantuan.

Manfaat yang dinyatakan di sini hanya akan sah dengan syarat **Orang Diinsuranskan** dan/atau **Pemandu yang Dibenarkan** mengaktifkan nombor bebas-tol Penyedia Bantuan apabila berlaku **Kemalangan** atau kerosakan kepada **Kenderaan Dinamakan** yang dinyatakan dalam **Jadual Polisi** semasa **Tempoh Insurans**. **Orang Diinsuranskan** dalam **Kenderaan Dinamakan** mestilah menghubungi nombor bebas tol dua puluh empat (24) jam 1300-880-881 untuk mendapatkan perkhidmatan di bawah. Penyedia Bantuan akan, tertakluk kepada terma dan syarat polisi, menyediakan perkhidmatan berikut kepada **Orang Diinsuranskan** dan/atau **Pemandu yang Dibenarkan** apabila Penyedia Bantuan dihubungi.

1. Tundaan Kecemasan 24 jam

Jika berlaku **Kemalangan** semasa di Malaysia, Penyedia Bantuan akan membantu untuk menunda **Kenderaan Dinamakan** ke balai polis dan seterusnya ke bengkel panel RHB Insurance terdekat ataupun bengkel pilihan anda yang berada dalam had jarak setiap kejadian yang dinyatakan dalam **Jadual Polisi**.

Jika **Kenderaan Dinamakan** mengalami kerosakan di Malaysia dan **Kenderaan Dinamakan** tidak dapat diperbaiki di lokasi kejadian, Penyedia Bantuan akan menunda **Kenderaan Dinamakan** ke bengkel panel RHB Insurance terdekat ataupun bengkel pilihan anda.

2. Baikpulih Kereta Di Lokasi

Jika **Kenderaan Dinamakan** mengalami kerosakan di Malaysia, Penyedia Bantuan akan mengurus dan menyediakan perkhidmatan baikpulih kecil di lokasi dengan tenaga kerja sehingga selama dua (2) jam setiap kejadian. Jika perlu, Penyedia Bantuan akan menunda **Kenderaan**

Dinamakan ke bengkel panel RHB Insurance terdekat. Penyedia Bantuan akan membayar kos tenaga kerja yang ditanggung untuk baikpulih di lokasi. Bagaimanapun, Penyedia Bantuan tidak akan bertanggungjawab untuk sebarang kos alat ganti dan semua item lain semasa baikpulih di lokasi.

3. Caj Tol

Sekiranya **Kenderaan Dinamakan** ditunda dan melalui stesen tol, **Kami** akan membayar balik jumlah penuh tol yang ditanggung, tertakluk kepada resit atau penyata transaksi kad untuk caj tol yang ditanggung diserahkan kepada **Syarikat** untuk tuntutan.

4. Penghantaran Kereta Selepas Diperbaiki / Penggunaan Teksi Untuk Mengambil Kereta Dari Bengkel (Kemalangan sahaja)

Penyedia Bantuan akan membantu untuk menguruskan penghantaran **Kenderaan Dinamakan** ke alamat berdaftar **Orang Diinsuranskan** di Malaysia atau menguruskan penggunaan teksi untuk membolehkan **Orang Diinsuranskan** dan/atau **Pemandu yang Dibenarkan** mengambil **Kenderaan Dinamakan** dari bengkel. Penyedia Bantuan akan membayar perbelanjaan dan caj berkaitan yang ditanggung sehingga jumlah yang dinyatakan dalam **Jadual Polisi** untuk setiap kejadian.

5. Manfaat Luar Kawasan

Jika berlaku **Kemalangan** atau kerosakan kenderaan yang melibatkan **Kenderaan Dinamakan** sekurang-

kurangnya satu ratus (100) kilometer dari alamat berdaftar **Orang Diinsuranskan** yang dinyatakan dalam **Jadual Polisi**, Penyedia Bantuan boleh, atas permintaan **Orang Diinsuranskan** dan/atau **Pemandu Dibenarkan**, membantu dalam menyediakan maklumat atau menguruskan penginapan hotel. Penyedia Bantuan akan membayar perbelanjaan sebenar, termasuk perbelanjaan hotel, tiket perjalanan, dan/atau penyewaan kereta sehingga jumlah yang dinyatakan dalam **Jadual Polisi**.

6. Bantuan Penundaan Antarabangsa

Jika berlaku **Kemalangan** atau kerosakan kenderaan yang melibatkan **Kenderaan Dinamakan** semasa di Singapura, Brunei atau Thailand dalam lingkungan enam puluh (60) kilometer dari sempadan di antara Thailand dan Malaysia Barat, **Orang Diinsuranskan** dan/atau **Pemandu Dibenarkan** layak mendapat perkhidmatan penundaan percuma ke bengkel terdekat yang dipilih oleh Penyedia Bantuan atau ke sempadan Malaysia dengan asas bayaran balik.

Jika baikpulihan tidak dapat dilakukan ke atas **Kenderaan Dinamakan** oleh bengkel tempatan, Penyedia Bantuan akan membantu menguruskan penghantaran pulang **Kenderaan Dinamakan** ke alamat berdaftar **Orang Diinsuranskan** di Malaysia. Penyedia Bantuan tidak bertanggungjawab ke atas sebarang perbelanjaan atau caj berkaitan untuk penghantaran pulang ke Malaysia.

PENGECUALIAN KHAS KEPADA BAHAGIAN 3

Penyedia Bantuan tidak perlu menyediakan perkhidmatan mereka di bawah keadaan berikut:

1. Perkhidmatan yang tidak diuruskan atau pra-lulus secara langsung oleh Penyedia Bantuan;
2. Kos perkhidmatan yang boleh dituntut di bawah Polisi Insurans Motor (seperti kos tundaan apabila berlaku **Kemalangan**);
3. Sebarang kos untuk alat ganti dan kos baik pulih di bengkel atau pusat servis ke atas **Kenderaan Dinamakan**;
4. Menunda **Kenderaan Dinamakan** yang dalam keadaan boleh bergerak dengan baik dan masih boleh di pandu.
5. Jika **Kenderaan Dinamakan** mengalami kerosakan mekanikal dan tidak dapat bergerak di atas jalan yang tidak diturap atau di atas jalan yang tidak digazet dalam Sistem Jalan di Malaysia, Brunei, Singapura dan/atau Thailand; dan
6. Kegagalan **Orang Diinsuranskan** dan/atau **Pemandu yang Dibenarkan** untuk mengambil tindakan sewajarnya atau untuk mematuhi amaran oleh media mengenai sebarang mogok, rusuhan atau kekacauan awam yang bakal berlaku;
7. Sebarang perbuatan haram atau menyalahi undang-undang oleh **Orang Diinsuranskan dan/atau Pemandu yang Dibenarkan** untuk sebarang tujuan haram atau menyalahi undang-undang
8. Apabila kunci kereta tidak ada atau terkunci di dalam **Kenderaan Dinamakan**;
9. Apabila tidak ada bahagian mekanikal dalam **Kenderaan Dinamakan**, seperti enjin atau transmisi;
10. **Kenderaan Dinamakan** yang telah dileraikan

sepenuhnya atau sebahagiannya di dalam bengkel;

11. Menunda **Kenderaan Dinamakan** untuk tujuan pelupusan kenderaan tersebut;
12. Menunda **Kenderaan Dinamakan** untuk tujuan memindahkan kenderaan dari satu bengkel ke bengkel lain;
13. Menunda **Kenderaan Dinamakan** selepas ianya dihantar untuk kerja menyembur cat.
14. Menunda **Kenderaan Dinamakan** dicuri yang telah ditemui, ditinggalkan atau akibat vandalisme;
15. Sebarang kenderaan komersial;
16. Menunda **Kenderaan Dinamakan** yang lebih berat berbanding rekaan asal yang dinyatakan dalam spesifikasi pengeluaran;
17. Menunda **Kenderaan Dinamakan** yang mana dikategorikan sebagai Karavan atau Motor home;
18. Menunda **Kenderaan Dinamakan** yang mana nombor pendaftarannya tidak sepadan dengan nombor yang didaftarkan dengan Penyedia Bantuan;
19. Jika **Kenderaan Dinamakan** telah atau pernah diubahsuai untuk penyertaan dalam rali dan perlumbaan atau diubahsuai yang menyalahi undang-undang;
20. Jika **Kenderaan Dinamakan** digunakan untuk sewaan, perlumbaan (selain pencarian harta karun), rali, penentuan rentak kelajuan, pengujian kelajuan atau penggunaan untuk tujuan yang berkaitan dengan Perdagangan Kenderaan
21. Jika **Kenderaan Dinamakan** digunakan untuk tujuan yang menyalahi undang-undang atau yang tidak dibenarkan seperti pengangkutan awam tanpa lesen oleh **Orang Diinsuranskan** dan/atau **Pemandu yang Dibenarkan**.

BAHAGIAN 4 – ELAUN

Pada bila-bila masa dalam **Tempoh Insurans** seperti yang dinyatakan di dalam **Jadual Polisi**, **Kami** akan membayar sejumlah wang mengikut manfaat yang dinyatakan di sini.

1. **Elaun Pengangkutan Tunai (Tuntutan Kerosakan Sendiri yang diluluskan sahaja)**
Kami akan membayar **Orang Diinsuranskan** dan/atau **Pemandu yang Dibenarkan** jumlah sekali gus yang dinyatakan dalam **Jadual Polisi** sekiranya berlaku **Kemalangan** melibatkan **Kenderaan Dinamakan**. Faedah ini terhad kepada satu (1) tuntutan semasa dalam **Tempoh Insurans** dan tertakluk kepada **kenderaan Dinamakan** mesti menjalani keperluan membaik pulih di bengkel panel RHB Insurance.
2. **Elaun Pengangkutan Tunai (Kerosakan sahaja)**
Jika **Kenderaan Dinamakan** mengalami kerosakan dan mustahil bagi kerja pembaikan dapat dilakukan di tempat kejadian, Penyedia Bantuan akan membantu untuk menunda **Kenderaan Dinamakan** ke bengkel pilihan dan sekiranya kerja pembaikan tidak dapat disiapkan pada hari yang sama, **Kami** akan membayar perbelanjaan sebenar untuk perkhidmatan teksi/ kereta sewa/ perkhidmatan “e-hailing” yang ditanggung sehingga jumlah agregat yang dinyatakan dalam **Jadual Polisi** sehingga tiga (3) kali dalam **Tempoh**

Insurans.

3. Elaun Ihsan untuk Kenderaan Pecah Masuk

Kami akan membayar pampasan kepada **Orang Diinsuranskan** dan/atau **Pemandu yang Dibenarkan** sehingga jumlah yang dinyatakan dalam Jadual Polisi atas kehilangan Barangan Peribadi setelah ditolak sebarang haus, lusuh atau susut nilai sekiranya cermin atau tingkap **Kenderaan Dinamakan** dipecahkan oleh orang yang tidak dikenali dengan niat mencuri yang mengakibatkan kerugian harta benda di dalam **Kenderaan Dinamakan** tertakluk kepada syarat berikut:

- Kejadian** berlaku semasa **Orang Diinsuranskan** dan/atau **Pemandu yang Dibenarkan** di dalam **Kenderaan Dinamakan** di atas jalan raya yang diwartakan tidak kira sama ada **Kenderaan Dinamakan** sedang bergerak atau tidak bergerak dengan syarat **Orang Diinsuranskan** dan/atau **Pemandu yang Dibenarkan** berada atau duduk di dalam **Kenderaan Dinamakan** semasa kejadian.
- Laporan polis dibuat di balai polis terdekat di mana **Kejadian** berlaku dalam tempoh dua puluh empat (24) jam selepas **Kejadian** berlaku; dan
- Untuk kepuasan **Kami**, **Orang Diinsuranskan** atau **Pemandu Dibenarkan Anda** telah mengambil segala langkah munasabah untuk mengehadakan dan mencegah **Kerugian**.

Untuk mengelakkan keraguan, **Kami** tidak akan membayar pampasan bagi **Kerugian** disebabkan oleh sebarang perbuatan sengaja atau kecuai.

Perlindungan ini terhad kepada satu (1) kejadian pada setiap **Tempoh Insurans** dan pengembalian semula perlindungan ini tidak dibenarkan.

HAD KAWASAN

Perlindungan untuk semua manfaat kemalangan diri dan perbelanjaan perubatan yang disediakan semasa berada didalam **Kenderaan Dinamakan** sahaja.

Perlindungan Manfaat Bantuan Kereta adalah terhad kepada Malaysia, Singapura, Brunei dan sebahagian dari Thailand yang terletak dalam lingkungan enam puluh (60) kilometer dari sempadan di antara Thailand dan Malaysia Barat kecuali dinyatakan di bawah manfaat dilindungi berkenaan dalam Polisi ini.

PENGECUALIAN AM

Polisi ini tidak sah:

- Untuk apa-apa kerugian, kerosakan atau kecederaan yang disebabkan oleh serangan, peperangan (sama ada diisytiharkan atau tidak) tindakan musuh asing, mogok, rusuhan dan kekecohan awam, dahagi, kebangkitan, revolusi, pemberontakan, rampasan ketenteraan atau rampasan kuasa, atau oleh sebarang akibat langsung atau tidak langsung.
- Untuk kerugian, kerosakan atau kecederaan yang secara langsung atau tidak langsung disebabkan atau diakibatkan oleh atau timbul daripada pengionan, radiasi atau pencemaran radioaktif daripada apa-apa bahan buangan nuklear daripada pembakaran bahan api nuklear. Untuk tujuan pengecualian ini, pembakaran

merangkumi proses pembelahan nuklear yang berkekal sendiri.

- Sebarang kecacatan fizikal atau mental atau kelemahan sedia wujud.
- Jika **Orang Diinsuranskan** dan/atau **Pemandu yang Dibenarkan** tidak memegang lesen memandu yang sah untuk memandu **Kenderaan Dinamakan**. Sentiasa tertakluk kepada ini tidak akan dikuat kuasa ke atas **Orang Diinsuranskan** dan/atau **Pemandu yang Dibenarkan** memiliki lesen yang tamat tempoh tidak hilang kelayakan memiliki atau memperolehi lesen memandu di bawah undang-undang Akta Pengangkutan Jalan Raya Malaysia atau akta yang bersamaan di Singapura, Brunei dan Thailand.
- Jika kenderaan digunakan untuk tujuan sekolah memandu dan kelas memandu.

SYARAT AM

1. Kenyataan Menurut Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013

Apabila **Orang Diinsuranskan** telah memohon insurans ini sepenuhnya untuk tujuan yang tidak berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion **Orang Diinsuranskan**, **Orang Diinsuranskan** mempunyai kewajipan untuk mengambil langkah yang munasabah untuk tidak salah nyata dalam menjawab soalan yang terdapat dalam borang cadangan (atau semasa **Orang Diinsuranskan** memohon insurans ini) seperti contoh, **Orang Diinsuranskan** perlu menjawab soalan dengan penuh dan tepat. Kegagalan dalam mengambil langkah munasabah dalam menjawab soalan-soalan boleh mengakibatkan pembatalan kontrak insurans **Orang Diinsuranskan**, keengganan atau pengurangan gantirugi **Orang Diinsuranskan**, perubahan terma atau penamatan kontrak insurans **Orang Diinsuranskan** selaras dengan remedi di Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013. **Orang Diinsuranskan** juga dikehendaki mendedahkan perkara-perkara lain yang **Orang Diinsuranskan** tahu akan mempengaruhi keputusan **Kami** dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang akan dikenakan. **Orang Diinsuranskan** juga mempunyai kewajipan untuk memberitahu **Kami** dengan serta-merta jika pada bila-bila masa selepas kontrak insurans **Orang Diinsuranskan** ditandatangani, diubah atau diperbaharui dengan **Kami**, apa-apa maklumat yang diberikan di dalam Borang Cadangan (atau semasa **Orang Diinsuranskan** memohon insurans ini) tidak tepat atau telah berubah.

2. Kelayakan

Orang Diinsuranskan dan/atau **Pemandu yang Dibenarkan** yang mana berumur antara tujuh belas (17) tahun and lapan puluh (80) tahun dan memegang lesen memandu yang sah.

3. Mata Wang dan Pertukaran Nilai

Semua premium haruslah dibayar dalam Ringgit Malaysia. Sekiranya **Orang Diinsuranskan** dan/atau **Pemandu yang Dibenarkan** dimasukkan ke hospital dan/atau menerima rawatan perubatan di luar Malaysia dan membuat bayaran dalam mata wang selain Ringgit Malaysia, Syarikat akan mengganti kerugian **Orang**

Diinsuranskan atau wakil peribadi guamannya dalam Ringgit Malaysia berdasarkan pada kadar tukaran yang disebutkan (yakni kadar pasaran terbuka, tetapi jika pasaran terbuka itu bukan pasaran bebas, maka kadar rasmi hendaklah digunakan) pada tarikh tuntutan selesai.

4. Tunai Sebelum Perlindungan

Adalah menjadi syarat asas dan penting untuk kontrak insurans ini bahawa premium yang perlu bayar mesti dibayar dan diterima oleh pihak **Syarikat** sebelum perlindungan bermula.

5. Syarat Duluu Terhadap Liabiliti

Pematuhan dan pemenuhan yang sewajarnya akan terma, syarat dan pengendorsan polisi ini setakat yang ia berkaitan dengan segala perkara yang perlu dilakukan atau dipatuhi oleh **Orang Diinsuranskan** atau mana-mana pihak menuntut di bawah polisi dan kebenaran bagi pernyataan dan jawapan di dalam cadangan tersebut hendaklah menjadi syarat duluu kepada sebarang liabiliti **Syarikat** untuk membuat sebarang pembayaran di bawah Polisi ini.

6. Polisi ini tidak berkuat kuasa kecuali **Orang Diinsuranskan**, sebelum **Kejadian** sebarang kecederaan, mendapatkan persetujuan **Syarikat** melalui endorsmen jika kepentingan dalam **Kereta Dinamakan** telah berpindah dari **Orang Diinsuranskan** secara sukarela atau melalui tindakan undang-undang.

7. Penamatan Automatik

Polisi ini dianggap terbatal apabila berlakunya **Kejadian** berikut, yang mana lebih awal:

7.1 Pada tengah malam (waktu Malaysia) di hari terakhir **Tempoh Insurans** seperti yang dinyatakan di dalam **Jadual Polisi**

7.2 Serta-merta apabila **Orang Diinsuranskan** mencapai umur lapan puluh satu (81) tahun, tepat pada tarikh lahir.

7.3 Apabila **Orang Diinsuranskan** meninggal dunia atau jika **Orang Diinsuranskan** mengalami Hilang Upaya Kekal akibat Kemalangan yang menyebabkan timbulnya tuntutan di mana manfaat penuh seratus peratus (100% amaun Jumlah Prinsipal Diinsuranskan yang dinyatakan dalam **Jadual Polisi** telah dibayar.

8. Penamatan Oleh Anda

Anda boleh menamatkan Polisi pada bila-bila masa dengan memberi notis bertulis empat belas (14) hari kepada **Syarikat** dan tertakluk bahawa tiada tuntutan telah dibuat oleh **Orang Diinsuranskan** sepanjang tahun polisi semasa, **Orang Diinsuranskan** akan layak mendapat pengembalian premium tempoh pendek seperti berikut:

Kadar Tempoh Pendek	
Tidak melebihi 3 bulan kalendar	50% daripada premium tahunan
Melebihi 3 bulan alendar tetapi sehingga 6 bulan	25% daripada premium tahunan
Melebihi 6 bulan	Tiada pembayaran balik

9. Penamatan Oleh Kami

Syarikat boleh membatalkan polisi ini pada bila-bila

masa dengan memberikan empat belas (14) hari notis bertulis kepada **Orang Diinsuranskan** melalui surat berdaftar kepada **Orang Diinsuranskan** di alamat terakhir **Orang Diinsuranskan** yang diketahui, untuk menentukan dan membatalkan polisi ini, dengan syarat bahawa **Syarikat**, atas permintaan **Orang Diinsuranskan**, membayar balik bahagian premium untuk **Tempoh Insurans** yang belum luput.

10. Prosedur Tuntutan

a) Notis bertulis mestilah diberi kepada **Syarikat** dalam tempoh tiga puluh (30) hari daripada **Kejadian** yang boleh menimbulkan tuntutan di dalam polisi ini. Kegagalan memberi notis dalam tempoh yang ditetapkan tidak akan mentaksahkan tuntutan jika boleh dibuktikan bahawa adalah tidak munasabah untuk memberi notis bertulis tersebut dan notis itu diberi sebaik sahaja ianya boleh;

b) Jika **Orang Diinsuranskan** atau sesiapa yang bertindak bagi pihak **Orang Diinsuranskan** melakukan penipuan di dalam tuntutannya di bawah Polisi ini atau terlibat di dalam aktiviti penipuan untuk meraih keuntungan di bawah polisi ini, semua manfaat yang perlu dibayar di bawah polisi ini akan terbatal.

c) **Kami** berhak dan berpeluang untuk melakukan pemeriksaan ke atas **Orang Diinsuranskan** sekerap yang diperlukan dan melakukan autopsi jika berlaku kes kematian selagi ianya tidak melanggar undang-undang.

d) Tanpa kebenaran bertulis, **Orang Diinsuranskan** tidak akan menolak liabiliti, berunding atau membuat pengakuan, tawaran, janji untuk membayar berkaitan dengan mana-mana **Kemalangan** atau tuntutan dan **Kami** berhak untuk mengambil-alih jika perlu dan melakukan pembelaan tuntutan di bawah nama **Orang Diinsuranskan** atau melakukan pendakwaan di bawah nama **Kami** dengan perbelanjaan **Kami** dan untuk faedah sendiri sebarang tuntutan untuk indemniti atau kerosakan atau menentang sesiapa sahaja dan mempunyai kuasa penuh di dalam perbicaraan dan penyelesaian untuk sebarang tuntutan. **Orang Diinsuranskan** dan/atau keluarga **Orang Diinsuranskan** perlu memberi maklumat dan kerjasama apabila diperlukan.

11. Timbang Tara

Semua pertelingkahan yang timbul daripada polisi ini hendaklah dirujuk kepada keputusan seorang Penimbang Tara yang akan dilantik secara bertulis oleh pihak-pihak yang bertelingkah atau jika mereka tidak bersetuju atas seorang Penimbang Tara, ia akan dirujuk kepada dua orang Penimbang Tara yang salah seorang dilantik secara bertulis oleh setiap satu pihak dalam masa satu bulan kalendar selepas dikehendaki untuk berbuat demikian secara bertulis oleh mana-mana satu pihak atau sekiranya Penimbang Tara tidak bersetuju, Pengadil akan dilantik secara bertulis oleh Penimbang Tara sebelum memasuki rujukan mereka. Pengadil hendaklah bersidang bersama Penimbang Tara serta mempengerusikan mesyuarat dan keputusan mengenai Award akan menjadi syarat-syarat terdahulu

sebelum apa-apa hak tindakan dibuat terhadap **Syarikat**.

Jika **Syarikat** menafikan liabiliti kepada **Orang Diinsuranskan** untuk mana-mana tuntutan berikut dan tuntutan tersebut bukan masa dua belas (12) bulan kalendar dari tarikh penafian dirujuk kepada timbang tara di bawah peruntukan yang terkandung di sini maka tuntutan bagi segala tujuan akan dianggap telah dihentikan dan seterusnya tidak akan diperolehi semula mengikut polisi ini.

12. Interpretasi

Polisi ini, termasuk Borang Cadangan, **Jadual Polisi**, Sijil Insurans, pengendorsan dan perubahan jika ada, hendaklah dibaca bersama sebagai satu kontrak dan apa-apa perkataan atau kenyataan yang makna khususnya telah dilampirkan akan, kecuali konteks memerlukan sebaliknya, memberi makna khusus di mana jua ia tertera.

13. Undang-undang yang Mengawal Selia

Polisi ini dikeluarkan di bawah undang-undang Malaysia, dan ia tertakluk kepada dan dikawalselia oleh undang-undang semasa di Malaysia. Indemniti yang disediakan oleh Polisi ini tidak diguna pakai berkaitan dengan penghakiman yang tidak pada mulanya disampaikan oleh atau diperolehi daripada Mahkamah yang mempunyai bidang kuasa kompeten di dalam Malaysia atau kepada perintah yang diperolehi dalam Mahkamah tersebut bagi penguatkuasaan penghakiman yang dibuat di luar Malaysia sama ada melalui perjanjian timbal balik atau sebaliknya.

14. Pindah Milik

Polisi ini tidak boleh dipindah milik dan sebarang pembayaran manfaat di bawah Polisi ini hanya akan dibuat kepada **Orang Diinsuranskan** atau kepada wakil peribadi yang sah **Orang Diinsuranskan** yang di mana sebarang penerimaan pembayaran akan dianggap sebagai pelepasan penuh kepada pihak **Syarikat**. **Syarikat** tidak terjejas oleh notis amanah, caj, lien, pindah milik atau lain-lain yang berkaitan Polisi ini.

15. Pembaharuan

Orang Diinsuranskan hendaklah sebelum sebarang pembaharuan Polisi ini memberikan notis kepada **Syarikat** bagi sebarang penyakit atau kecacatan fizikal atau kelemahannya yang di mana **Orang Diinsuranskan** telah menyedari mengenainya semasa dalam **Tempoh Insurans** dan sebarang penukaran nama dan alamat.

NOTIS KEPADA PEMEGANG POLISI

Sila memeriksa Polisi insurans untuk memastikan ianya memenuhi keperluan **Orang Diinsuranskan**.

Untuk mengelakkan salah faham, adalah sangat penting Polisi, Jadual dan sebarang pengendorsan disertakan di sini dibaca bersama secara terperinci.

Sekiranya **Orang Diinsuranskan** mempunyai sebarang aduan atau keraguan berkaitan dengan Polisi **Orang Diinsuranskan**, sila hubungi ejen **Orang Diinsuranskan**, sekiranya ada atau berhubung dengan pejabat yang mengeluarkannya. Kami memastikan aduan **Orang Diinsuranskan** dilayani dengan segera.

Bagi tujuan dan maksud sekiranya terdapat konflik atau kekaburan berkenaan makna di dalam peruntukan Bahasa Malaysia tentang mana-mana bahagian Kontrak, adalah dipersetujui bahawa Kontrak versi Bahasa Inggeris akan terpakai.

Sebagai Penanggung Insurans yang bertanggungjawab, **Kami** ingin membawa kepada perhatian **Orang Diinsuranskan** bahawa **Orang Diinsuranskan** boleh mengemukakan ketidakpuasan **Anda** kepada Ombudsman Perkhidmatan Kewangan (OFS) atau BNMTELELINK seperti yang ditunjukkan di bawah.

BAGAIMANA UNTUK MEMBUAT ADUAN

Jika **Orang Diinsuranskan** tidak berpuas hati dengan mana-mana aspek perkhidmatan **Kami**, **Kami** ingin mendengar daripada **Orang Diinsuranskan**. **Orang Diinsuranskan** boleh membuat aduan dalam bentuk apa jua yang paling selesa dengan **Orang Diinsuranskan** samada melalui panggilan telefon kepada operator **Kami** atau, secara bertulis, fax atau e-mel aduan **Orang Diinsuranskan** kepada:

Unit Pengendalian Aduan

RHB Insurance Berhad
Aras 12B, West Wing, The Icon
No 1, Jalan 1/68F, Jalan Tun Razak,
55000 Kuala Lumpur
Tel: 1300-220-007
Faks: 03-2163 7277
E-mel : complaints_unit@rhbinsurance.com.my

Kami akan berusaha untuk bertindak balas kepada aduan **Orang Diinsuranskan** dalam masa empat belas (14) hari. Jika Kami tidak dapat menyelesaikan perkara tersebut dalam tempoh masa yang ditetapkan seandainya rumit, **Orang Diinsuranskan** akan diberitahu tentang perkembangan yang telah dibuat tentang aduan **Orang Diinsuranskan** tersebut. **Orang Diinsuranskan** boleh membantu Kami untuk memberi tindak balas secepat mungkin dengan memberi **Kami** maklumat-maklumat berikut:

1. Nama, alamat dan nombor untuk dihubungi
2. No Nota Perlindungan / No. Polisi / No. Tuntutan

Sekiranya setelah mengambil langkah-langkah di atas dan **Orang Diinsuranskan** masih tidak berpuas hati dengan keputusan tersebut, **Orang Diinsuranskan** boleh menulis ke:

Unit Pengurusan Aduan

Ombudsman Perkhidmatan Kewangan (OFS)
Tingkat 14, Blok Utama
Menara Takaful Malaysia
No. 4, Jalan Sultan Sulaiman
50000 Kuala Lumpur
Tel: 03-2272 2811
Faks: 03-2272 1577
E-mel : enquiry@ofs.org.my
Laman Web : www.ofs.org.my

Jika Pengantara membuat keputusan yang tidak menyebelahi Kami, **Orang Diinsuranskan** diminta untuk memberitahu Pengantara mengenai keputusan **Orang Diinsuranskan** untuk menerima atau menolak keputusan tersebut dalam tempoh empat belas (14) hari.

Tel: 1300-88-5465 (LINK)
Faks: 03-2174 1515
E-mel : bnmtelelink@bnm.gov.my
Laman Web : www.insuranceinfo.com.my

Jika **Orang Diinsuranskan** tidak menerima keputusan tersebut, **Orang Diinsuranskan** boleh menolak keputusan Pengantara. **Orang Diinsuranskan** bebas untuk mengambil tindakan mahkamah ke atas Kami atau merujuk kepada Timbangtara.

Sebagai pilihan, **Orang Diinsuranskan** boleh menghantar ketidakpuasan hati **Orang Diinsuranskan** terhadap tindakan Kami secara bertulis kepada Bank Negara Malaysia dengan memberi secara terperinci maklumat aduan **Orang Diinsuranskan** dan informasi **Polisi Orang Diinsuranskan** kepada:

BNMTELELINK

Jabatan Komunikasi Korporat
Bank Negara Malaysia
Peti Surat 10922
50929 Kuala Lumpur

HEAD OFFICE / IBU PEJABAT	CUSTOMER RELATIONSHIP CENTRE / KAUNTER KHIDMAT PELANGGAN	CALL CENTRE / PUSAT PANGGILAN
Level 12, West Wing, The Icon, No.1, Jalan 1/68F, Jalan Tun Razak, 55000 Kuala Lumpur Tel : 03 - 2180 3000 Fax : 03 - 9281 2729 Website : www.rhbgroup.com/insurance	Level 1, Tower Three, RHB Centre, Jalan Tun Razak, 50400 Kuala Lumpur Tel : 1300-220-007 Fax : 03 - 2163 7277 Email : rhbi.general@rhbgroup.com	Claims Inquiries : 03 - 2180 3030

ASSISTANCE PROVIDER/ PENYEDIA BANTUAN

24 hours Hotline: 1300-880-881
Direct Line: 03 - 7989 0368